

BLOPRESS[®] Tablet

Candesartan Cilexetil (8mg and 16mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Blopress
2. Bagaimana Blopress berfungsi
3. Sebelum menggunakan Blopress
4. Cara menggunakan Blopress
5. Semasa menggunakan Blopress
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Blopress
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Blopress

Blopress digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi.

Bagaimana Blopress berfungsi

Blopress tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil angiotensin II antagonis reseptor (*angiotensin II receptor antagonists*). Ia berfungsi dengan mengendur dan melebarkan saluran darah anda. Ia juga memudahkan jantung anda mengepam darah ke semua bahagian badan anda.

Sebelum menggunakan Blopress

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hamil
- Jika anda alah kepada sebarang komponen dalam Blopress
- Anda sedang dirawat dengan ubat tekanan darah yang mengandungi *aliskiren*

- Sebelum mula menggunakan Blopress

Sebelum anda mengambil Blopress, beritahu doktor anda jika anda:

- Hamil atau merancang untuk hamil

- Anda mempunyai masalah buah pinggang
- Anda mempunyai masalah hati

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan, baru-baru ini menggunakan atau mungkin menggunakan sebarang ubat lain. Blopress boleh menjejaskan cara ubat-ubatan lain berfungsi dan beberapa ubat-ubatan boleh memberi kesan kepada Blopress. Jika anda menggunakan ubat tertentu, doktor anda mungkin perlu melakukan ujian darah dari semasa ke semasa. Khususnya, beritahu doktor anda jika anda menggunakan mana-mana ubat berikut:

- Ubat lain untuk membantu menurunkan tekanan darah anda
- Ubat anti-radang bukan steroid (*Non-steroidal anti-inflammatory drugs*, NSAIDs) (ubat-ubatan untuk melegakan kesakitan dan keradangan)
- Suplemen kalium atau pengganti garam yang mengandungi kalium (ubat-ubatan yang meningkatkan jumlah kalium dalam darah anda)
- *Lithium* (ubat untuk masalah kesihatan mental).

Cara menggunakan Blopress

- Berapa banyak harus digunakan

- Dos permulaan ialah 4mg sekali sehari. Dos perlu ditingkatkan mengikut tindak balas sehingga 16mg sekali sehari. Kesan ubat maksimum dicapai dalam tempoh 4 minggu dari permulaan rawatan.
- Tiada pelarasan dos dalam pesakit sehingga 75 tahun. Bagi pesakit yang berumur 75 tahun ke atas,

dos permulaan 2mg adalah disyorkan. Dos boleh diselaraskan mengikut tindak balas.

- Kegunaan pada kanak-kanak, keselamatan dan keberkesanan tidak diuji pada kanak-kanak.
- Pelarasan dos tidak perlu pada pesakit yang mengalami masalah buah pinggang ringan. Dalam pesakit dengan kerosakan buah pinggang yang sederhana hingga teruk, dos permulaan 2mg sekali sehari adalah disyorkan. Dos boleh diselaraskan mengikut respon.
- Dos permulaan 2mg sekali sehari disyorkan kepada pesakit dengan masalah hati ringan dan sederhana. Dos boleh diselaraskan mengikut respon. Tiada pengalaman dalam pesakit dengan gangguan hati yang teruk. Blopress mungkin diberikan dengan agen antihipertensi lain.

- Bila perlu digunakan

Diambil setiap hari dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Blopress seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil dos seterusnya seperti biasa.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Anda mungkin mengalami tekanan darah rendah. Anda perlu berbaring mendatar (*supine*) dengan meningkatkan kaki anda. Jika ini tidak mencukupi, tambahkan

BLOPRESS® Tablet

Candesartan Cilexetil (8mg and 16mg)

kandungan plasma anda, contohnya mengambil air isotonik atau ubat simpatomimetik (*sympathomimetic*).

Semasa menggunakan Blopress

- Perkara yang perlu dilakukan

Berithahu doktor anda jika anda fikir kesan Blopress terlalu kuat atau terlalu lemah, atau tekanan darah anda tidak stabil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jika anda berhenti mengambil Blopress, tekanan darah anda akan meningkat. Oleh itu, jangan berhenti mengambil Blopress tanpa arahan doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor anda jika anda merancang untuk operasi. Blopress dengan gabungan anestetik, boleh menurunkan tekanan darah anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Blopress boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Jika anda mengalami apa-apa kesan ini, atau jika anda mendapat sebarang gejala yang tidak biasa atau tidak dijangka, berbincang dengan doktor anda.

Kesan sampingan biasa boleh termasuk:

- Jangkitan paru-paru
- Pening
- Sakit kepala

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web

npra.gov.my [*Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Blopress

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi Blopress daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Blopress Tablet 8mg adalah tablet merah jambu pucat dengan garis skor di kedua-dua belah.

Blopress Tablet 16mg adalah tablet merah jambu dengan satu sisi cembung dan satu sisi rata, dengan garis skor dan tanda 16 pada sisi cembung.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Candesartan cilexetil

- Bahan tidak aktif

Maize starch, lactose monohydrate, polyethylene glycol, Hydroxypropyl cellulose, iron oxide red, water purified, magnesium stearate, calcium carboxymethylcellulose

- Nombor MAL:

MAL22036007ACZ (8mg)

MAL22036008ACZ (16mg)

Pengilang

Delpharm Novara S.r.l.
Via Crosa, 86, 28065, Cerano
(NO) Italy

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH MALAYSIA SDN. BHD. B-11-01, The Ascent, Paradigm, No. 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2025

Nombor Siri

(R1/1) 17062022/200